

15 AUG 1998

DR MAHATHIR BERLEPAS KE IBU NEGARA

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini kembali ke ibu negara selepas mengakhiri lawatan kerja tiga hari ke Labuan dan Sabah.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas pada kira-kira pukul 2.45 petang.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Timbalan Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam dan anggota kabinet negeri berada di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu bagi mengucapkan selamat jalan kepada beliau.

Turut berada di terminal lama itu ialah ketua-ketua jabatan kerajaan persekutuan dan negeri serta pemimpin-pemimpin negeri.

Pagi tadi, Dr Mahathir menghadiri perjumpaan bersama rakyat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas sebelum merasmikan Kongres Parti Liberal Demokratik (LDP) di Taman Tun Fuad, dekat sini.

Semalam, Perdana Menteri merasmikan Kongres Keempat Parti Demokratik Sabah (PDS) di Pan Pacific Sutera, dekat sini, sejurus tiba dari Labuan.

-- BERNAMA

NT AKD